



SOALAN LAZIM

PENUTUPAN KAMPUS UMP BERMULA 21 MEI SEHINGGA 7 JUN 2021

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP)

- 1 Bolehkan saya keluar untuk menjalani rawatan susulan di hospital / klinik kesihatan?**
Sila rujuk Pusat Kesihatan Universiti (PKU) terlebih dahulu.
- 2 Bolehkah saya memesan daripada khidmat penghantaran makanan seperti *Grab Food, Food Panda* dan sebagainya?**
Dibenarkan, namun perlu diambil di pos pengawal keselamatan utama sahaja.
- 3 Bolehkah saya keluar kampus untuk membeli barangan keperluan harian?**
Sepanjang tempoh penutupan kampus tidak dibenarkan sama sekali.
- 4 Bolehkah ibubapa/penjaga saya masuk dalam kampus untuk menghantar barangan/makanan kepada saya?**
Sepanjang tempoh penutupan kampus tidak dibenarkan sama sekali.
- 5 Bolehkah saya balik ke kampung semula dalam tempoh penutupan kampus?**
Sepanjang tempoh penutupan kampus tidak dibenarkan sama sekali.
- 6 Saya pelajar luar kampus. Bolehkah saya masuk ke kampus untuk ke ATM, mengambil barangan kurier dan membeli makanan?**
Sepanjang tempoh penutupan kampus tidak dibenarkan sama sekali. Bagi barangan kurier, sila gunakan alamat rumah sewa anda.

7 Adakah dibenarkan jika saya berhasrat untuk balik ke kampung pada 20 Mei 2021 sehari sebelum kampus ditutup?

Dibenarkan. Namun pelajar perlu menguruskan urusan rentas darah/negeri sendiri. Sila pastikan anda membuat proses daftar keluar asrama melalui e-comm dan memulangkan kunci asrama di pejabat Residen Pelajar.

8 Bagaimana pelajar ingin mendapatkan barang keperluan harian jika sekiranya pelajar tidak dibenarkan keluar kampus?

Koperasi atau kedai runcit di dalam kampus akan beroperasi seperti biasa.

9 Adakah kafeteria beroperasi sepanjang penutupan kampus?

Ya. Kafeteria pelajar beroperasi seperti biasa.

10 Adakah pelajar dibenarkan untuk melakukan aktiviti riadah atau sukan sepanjang penutupan di dalam kampus?

Pelajar yang bergelang tidak dibenarkan melakukan aktiviti riadah atau sukan di dalam kawasan kampus. Manakala pelajar yang tidak bergelang perlu mematuhi SOP MKN berkenaan riadah dalam tempoh PKP di dalam kampus.

11 Adakah pelajar dibenarkan solat berjemaah di masjid sepanjang tempoh penutupan kampus UMP?

Pelajar bergelang tidak dibenarkan untuk solat berjemaah di masjid, manakala pelajar tidak bergelang perlu mematuhi SOP pengurusan masjid.

12 Bagaimanakah SOP pergerakan pelajar pascasiswazah dan ahli keluarga di dalam kampus?

Pelajar pascasiswazah dalam kampus dibenarkan untuk bergerak dalam kawasan kampus termasuk ke makmal / fakulti dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Namun pergerakan ahli keluarga pelajar keluar masuk kampus sepanjang tempoh penutupan kampus tidak dibenarkan sama sekali.